

# Teraju UMNO: Jaminan Dr. M

## Dasar ekonomi tak berubah

**KUALA LUMPUR, Isnin** — Proses pertukaran pucuk pimpinan negara ini yang sedang berlaku sekarang tidak akan mengubah secara mendadak dasar ekonomi dan polisi perindustrian yang diamalkan selama ini, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Dari itu, kata Timbalan Perdana Menteri itu, sektor swasta, khususnya pelabur asing, tidak perlu bimbang proses ini akan menjejaskan keuntungan pelaburan mereka di sini.

"Kerajaan sentiasa berpegang pada hakikat unsur terpenting menggalakkan pelaburan asing iaitu pertumbuhan pelaburan yang tetap.

"Dari itu saya ingin memberi jaminan di sini bahawa kedudukan pelaburan yang sihat ini akan sentiasa berlaku di Malaysia kerana ia mengamalkan konsep sistem ekonomi bebas," katanya.

Bellau menambah, kebenaran kenyataan tersebut dapat dibuktikan dari rekod pelaburan negara selama ini.

Timbalan Perdana Menteri berkata

demikian semasa mengalu-alukan rombongan 17 orang pegawai eksekutif kanan Pusat Halchwal Awam Antarabangsa Eropah (IPAC) di Bilik Gerakan Negara di sini pagi tadi.

Rombongan tersebut ke sini sebagai memenuhi siri lawatan dan perbincangan dengan pemimpin-pemimpin beberapa buah negara di rantau ini seraya meninjau peluang pelaburan yang disediakan.

Mereka mewakili beberapa syarikat multinasional di Eropah, Afrika, Timur Tengah, dan Amerika Syarikat.

### Membantu

Datuk Seri Dr. Mahathir juga menegaskan kepada mereka, Kerajaan Malaysia sentiasa berusaha memperbaiki lagi iklim pelaburan di negara ini bagi kepentingan pelabur luar dan dalam negeri.

Bagaimanapun, bellau mengingatkan peluang pelaburan dan pasaran Malaysia cuma terbuka kepada mana-mana pihak yang bersedia membantu membangunkan negara ini.

"Kemakmuran semulajadi yang terdapat di negara ini bukanlah untuk dieksploitasikan semata-mata. Kami bercadang menggunakannya untuk membantu rakyat kami yang kurang bernasib baik," tambahnya.

Bellau menyeru pelabur-pelabur asing, yang kebanyakannya dari Eropah itu memonitohi sikap ekonomi Jepun itu yang selain melabur di negara ini turut membangunkannya.

"Itulah sebabnya kami mengalu-alukan pelabur asing. Kerana bersama masuknya pelaburan, mereka juga membawa teknologi, kecakapan pengurusan dan peluang membantu mengeksport hasil bumi Malaysia, akan mempercepatkan lagi kadar pertumbuhan ekonomi negara ini," katanya.

### Membidas

Datuk Seri Dr. Mahathir kemudian membidas sikap sebuah negara Eropah tertentu yang memandang rendah terhadap Malaysia.

Salah seorang dari wakil negara berkenaan di sini berkata, baru-baru ini, ujarnya, pembangunan yang dinikmati oleh Malaysia sekarang ini adalah jerih peluh negaranya sendiri.

"Kalau diperlihatkan segala apa pembangunan yang terlihat di negara ini, kita akan dapati semuanya baru.

Ini membuktikan pembangunan yang dinikmati oleh rakyat negara ini diusahakan sendiri dengan penuh kesedaran selepas mencapai kemerdekaan," ujarnya.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

Siri ... 11.755  
... 2769/81